

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 11/12/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 17

Tajuk : ANGKASA bantu bangunkan koperasi negara-negara OIC

KOSMO! SELASA 11 DISEMBER 2018

NEGARA! 17

## Angkasa bantu bangunkan koperasi negara-negara OIC

**PETALING JAYA** – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) melakar sejarah baharu apabila dipilih Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) bagi menggerakkan ekonomi di negara tersebut menerusi institusi koperasi.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ketika ini hanya 20 daripada 57 buah negara Islam sahaja yang mempunyai pergerakan koperasi aktif manakala 37 negara lagi disifatkan sebagai tidak aktif.

“Jadi, Angkasa akan bekerjasama dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk menggerakkan koperasi terutamanya di 37 buah negara tidak aktif memandangkan

institusi kewangan itu merupakan bank untuk semua negara-negara Islam.

“Mengikut jangkaan semasa, hanya 160 juta orang sahaja yang menjadi ahli koperasi di kesemua negara OIC berbanding jumlah keseluruhan penduduk yang dicatatkan iaitu kira-kira 1.6 bilion,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Perbincangan Meja Angkasa-OIC 2018 di sini semalam.

Turut hadir Presiden Majlis Tindakan Wakaf Antarabangsa, Datuk Dr. Mohamed Ghazali Md. Noor dan pemangku Pengarah IDB, Kunrat Wirasubrata.

Abdul Fattah menambah, pihaknya juga akan me-

nerangkan secara terperinci mengenai konsep koperasi kepada penduduk di negara itu berikutan mereka mempunyai persepsi berbeza terhadap pergerakan koperasi.

“Koperasi dilihat sangat sesuai dengan ajaran Islam memandangkan pengagihan kekayaan dibuat secara sama selain tidak berorientasikan untung semata-mata sebaliknya memberi fokus untuk memberi manfaat kepada ahli.

“Kami juga bercadang untuk memperkenalkan koperasi kariah masjid seperti yang telah dilaksanakan di Malaysia dengan menjadikan ia sebagai pusat utama bagi menggerakkan aktiviti koperasi di negara itu,” ujarnya.



ABDUL FATTAH (empat dari kanan) beramah mesra bersama delegasi negara-negara OIC yang hadir pada Perbincangan Meja Bulat Angkasa-OIC 2018 semalam.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA